

Sepasang penyu mati terdampar

Terdapat kecederaan dipercayai berpunca dari pukut pari digunakan nelayan

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Sepasang penyu agar dewasa ditemui mati terdampar di Pantai Teluk Mak Nik, Chukai, di sini, kira-kira jam 7.15 pagi semalam, sekaligus mengejutkan pengunjung pantai berkenaan.

Kedua-dua bangkai penyu itu ditemui dalam jarak kira-kira 100 meter antara satu sama lain pada kedudukan sekitar dua hingga tiga meter dari gigi air.

Pengunjung pantai itu, Massnah Sudin, 57, berkata, dia dan suaminya, Mohammed Razif Abd Malik, 62, pada mulanya teruja apabila melihat kelibat penyu dari jauh ketika mereka turun ke pantai tersebut untuk mengambil angin dan menikmati panorama pantai.

Katanya yang tinggal di Kuala Lumpur, dia dan suaminya yang datang bercuti ke Kemaman bermula kelmarin sememangnya memasang niat untuk melihat penyu bertelur.

"Bila nampak dari jauh kami ingatkan penyu naik bertelur dan memang kami sangat gembira sebab dah lama sangat teringin nak tengok penyu bertelur depan mata.

"Tapi bila makin dekat kami pelik sebab tengok penyu itu kaku dan



Penyu jantan yang ditemui Massnah dan suaminya dilihat sudah membusuk.

rupa-rupanya dah mati," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di lokasi kejadian.

Bangkai penyu pertama yang dijumpai pasangan suami isteri itu dipercayai penyu agar jantan yang dianggarkan seberat kira-kira 100 kilogram (kg).

Namun begitu, mereka sekali lagi terperanjat selepas menemui seekor lagi bangkai penyu dari spesies sama tidak jauh dari penyu agar jantan terbabit.

Penyu kedua berkenaan adalah penyu betina yang saiznya lebih kecil daripada jantan dan dianggarkan seberat kira-kira 60kg.

Diancam kepupusan

Menurut Massnah, penemuan dua bangkai penyu itu sangat menyedihkan kerana penyu yang menjadi ikonik Terengganu ketika ini diancam kepupusan.

"Bila tengok kedua-dua penyu

mati ini jantan dan betina, kami andaikan kedua-duanya mungkin pasangan. Sangat sedih kami rasa.

"Pihak berwajib perlu menjalankan siasatan dan mencari punca kematian penyu tersebut," katanya yang menginap di rumah rehat Kemaman Sands yang terletak di tepi pantai tersebut.

Sebelum itu, kedua-dua ekor penyu tersebut ditemui lebih awal oleh tiga lelaki yang berjoging di pantai berkenaan.

Penduduk sekitar mendakwa punca penyu itu mati mungkin disebabkan kecederaan terkena pukut pari yang banyak digunakan oleh nelayan pesisir pantai pada penghujung musim tengkujuh ketika ini.

Terima aduan pemasangan pukut pari

Sementara itu, Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, dari pemerhatian pada gambar yang dihantar kepada pihaknya, didapati terdapat beberapa kesan kecederaan pada anggota badan salah seekor penyu terbabit yang mungkin disebabkan

Mohd Shahrizuan Zakaria (kanan), Mohd Afzan Che Ismail (tengah) dan seorang lagi rakan mereka terkejut menjumpai bangkai penyu agar betina kira-kira jam 7.15 pagi semalam.



Lubang digali untuk menanam bangkai penyu jantan yang ditemui terdampar.



“Bila nampak dari jauh kami ingatkan penyu naik bertelur dan memang kami sangat gembira sebab dah lama sangat teringin nak tengok penyu bertelur depan mata.” - Massnah

tersangkut pada pukut.

Malahan, kata beliau, berdasarkan aduan memang terdapat pemasangan pukut pari di sepanjang pantai tersebut hingga ke Cherating, Pahang.

"Operasi juga telah dijalankan untuk membanteras aktiviti pukut pari tersebut, namun kurangnya kesedaran orang ramai yang hanya tahu mengambil keuntungan dengan menangkap pari telah menggalakkan penggunaan pukut pari ini berleluasa.

"Pukut pari merupakan peralatan larangan menurut Peraturan-peraturan Perikanan.

Tegasnya, satu operasi berskala dan mengejut akan turut dilakukan bagi membendung penggunaan pukut pari berkenaan.

info • Penyu agar juga dikenali sebagai penyu hijau atau nama saintifiknya *Chelonia Mydas*.

• Dipanggil penyu hijau kerana mempunyai lemak berwarna hijau di bawah karapasnya.

• Sepertimana penyu laut yang lain, jarak penghijrahan penyu agar adalah jauh di antara tempat mencari makanan dan lokasi pembiakannya di pantai.

• Jangka hayatnya dianggarkan boleh menjangkau sehingga 80 tahun di habitat liar.

• Penyu agar disenaraikan sebagai spesies terancam dan dilindungi daripada dieksploitasi di kebanyakan negara.

• Spesies ini dalam bahaya dan berdepan kepupusan. Selain pencemaran alam, sikap manusia juga menjadi faktor utama. Telurnya diburu sebagai makanan. Malah banyak juga yang mati terperangkap di dalam jaring nelayan.

(Sumber: Wikipedia)



Massnah dan suaminya melihat seekor penyu agar jantan yang mati terdampar di Pantai Teluk Mak Nik pagi semalam.

